

Bimbingan Saudara Baru Melalui Model Pendidikan Berasrama di Asrama Darul Hidayah, Kuala Lumpur

Mohd Nurazan bin Ayub¹, Abd Ghafar Bin Hj Don¹, Afriyanto²

1. Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia.
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan Malaysia
E-mail: nurazan@gmail.com; a.g.don@ukm.my

2. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
E-mail: afriyantobinemri@gmail.com

Abstrak – Kajian ini menfokuskan penerapan model pendidikan berasrama kepada saudara baru. Ia merupakan kaedah bimbingan saudara baru yang digunakan oleh pihak Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI). Memandangkan saudara baru adalah golongan yang belum kukuh kefahaman dan pegangan mereka terhadap agama Islam. Maka, model bimbingan saudara baru berkonsepkan asrama diwujudkan bagi membentuk persekitaran yang bercorak Islami. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konsep model pendidikan berasrama, mengetahui pelaksanaan model pendidikan berasrama di Asrama Darul Hidayah dan mengenal pasti nilai-nilai Islam yang wujud dalam model pendidikan berasrama. Kajian ini merupakan kajian kualitatif (kualitatif research). Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan observasi, wawancara dan dokumentasi. Model analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah deskriptif analisis. Dengan langkah-langkah pengumpulan data, reduksi data, penyajian data dan penarikan kesimpulan. Kajian menunjukkan bahawa bimbingan yang diterapkan melalui model pendidikan berasrama mempunyai elemen-elemen pembelajaran, kelaziman, pengembangan diri, keteladanan, menjalin komunikasi dengan para mubaligh (pengajar), penerima nasihat dan perhatian. Elemen-elemen tersebut menyumbang kepada penambahbaikan dalam meningkatkan kualiti saudara baru dalam aspek ilmu pengetahuan Islam, pengamalannya sekaligus mampu berinteraksi bersama masyarakat dengan baik.

Kata kunci: Bimbingan Saudara Baru, Model Pendidikan Berasrama

I. Pendahuluan

Di Malaysia, saudara baru bukanlah suatu yang asing lagi untuk diperkatakan. Setiap tahun, statistik menunjukkan kadar peningkatan saudara baru yang semakin memberangsangkan (Ab. Aziz, 2006). Merujuk kajian Mohd Azmi & Maimunah (2003), berdasarkan sumber-sumber kajian terhad, jumlah saudara baru di Kuala Lumpur dalam lima tahun antara tahun 1995 hingga 2000 secara purata ialah lebih kurang 400 orang setahun manakala antara tahun 1986 hingga 1990 ialah seramai 1609 orang daripada keseluruhan masyarakat bukan Islam (Wan Fauziah, 1992 dan Mazlan, 2010). Umumnya, peningkatan ini berlaku disebabkan oleh usaha dakwah yang dilakukan oleh umat Islam tidak kira sama ada dalam kalangan badan-badan swasta mahupun kerajaan, jemaah ataupun individu, telah mewujudkan impak yang besar dalam mempromosikan agama Islam sebagai satu agama yang syumul dan sempurna (Shahrestani, 2006).

Namun, kejayaan ini dilihat tidak mampu berkekalan apabila isu murtad mula merebak di kalangan saudara baru. Islam menyambut baik seruan hidayah yang hadir dalam diri saudara baru ini namun pada masa yang sama terdapat segelintir dari golongan ini yang memilih untuk kembali ke agama asal ataupun murtad setelah memeluk Islam (Nurul Afifah & Siti Aisyah 2014). Isu ini dilihat sebagai isu yang penting kerana ianya melibatkan tanggungjawab umat Islam

yang mempunyai amanah bagi membimbing masyarakat Islam amnya dan golongan saudara baru ini khususnya dalam memberi kefahaman yang jelas tentang Islam (Ab. Halim & Zarin, 2005; Abdul Halim, 1991).

Malangnya lagi, masyarakat Islam sendiri turut menjadi penyumbang kepada murtadnya saudara baru. Hal ini dilihat kepada saudara baru yang sukar menyesuaikan diri dengan suasana hidup baru, mereka berasa kekok untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan Islam ditambah pula dengan desakan keluarga dan rakan-rakan, tetapi penganut Islam langsung tidak memberikan kerjasama dan contoh yang baik kepada mereka (Farhan 2013).

Kesedaran ini mula kelihatan apabila wujudnya pelbagai organisasi dakwah menghulurkan bantuan dalam menguruskan hal ehwal kebajikan saudara baru sebagai golongan yang harus dibela akidah mereka. Pelbagai usaha dilakukan untuk membimbing saudara baru (M. S. Deraman, 2010). Selain memberi kefahaman Islam dan membimbing golongan saudara baru, organisasi tersebut turut mengembeleng seluruh usaha bagi menyelesaikan kes-kes saudara baru yang murtad dan menjalankan usaha-usaha bagi membendung isu ini dari terus melanda masyarakat Islam (Arenawati & Zarin, 2005).

Berdasarkan situasi tersebut, dapat diandaikan bahawa terdapat usaha tertentu yang telah diterapkan oleh badan dakwah dalam meningkatkan tahap keimanan dan kekuatan akidah di dalam diri saudara baru (Rosmani, 2005). Antara salah satu usaha badan dakwah dalam menjaga kebajikan saudara baru adalah mewujudkan asrama sebagai pusat transit dan kegiatan kepada mereka (S. Rugayah, 2005). Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan melihat apakah usaha-usaha yang diterapkan, dan tahap penghayatan nilai-nilai Islam saudara baru berteraskan model pendidikan berasrama yang dilaksanakan (Farida, Hasnah dan Zainal, 2012).

II. Pernyataan Masalah

Era globalisasi memberikan dampak positif sekaligus negatif bagi mewujudkan satu persekitaran yang Islamik (A. Hasjmy, 1994). Salah satu dampak negatif dari arus globalisasi adalah terhakisnya nilai-nilai Islam kerana pengaruh budaya asing yang terkadang bertentangan dengan ajaran Islam itu sendiri. Hal ini dibuktikan melalui Habib & Megat (2001), menyatakan masyarakat Malaysia telah menerima kesan buruk akibat ledakan globalisasi ini seperti budaya hiburan melampau (hedonisme) dan bahan porno menjadikan gejala negatif berada di luar batasan moral dan masyarakat setempat sukar dipintas dan ditapis.

Permasalahan yang berlaku dalam kalangan umat Islam ini sebenarnya memberi impak yang buruk dari sudut persekitaran dan pandangan masyarakat khususnya bagi golongan saudara baru yang baru sahaja ingin menjinakkan dirinya dengan Islam. Dalam karya Arenawati dan Zalina (2014), menyatakan bahawa saudara baru mengalami kesukaran mendapatkan contoh atau model yang baik untuk menunjukkan cara hidup Islam yang sebenar. Malahan ada segelintir masyarakat melayu menunjukkan pandangan sinis terhadap mereka seperti menganggap mereka memeluk Islam hanya berdasarkan perkahwinan semata dan menolak budaya mereka yang tidak bertentangan dengan syarak. Untuk itu, menurut Zaini Hamzah (1989) setiap orang Islam bertanggungjawab untuk mendakwahkan Islam kepada sesiapa sahaja. Kegagalan orang Islam menjadi duta Islam boleh menyebabkan timbul tanggapan dan gambaran salah dari sudut pandangan bukan Islam seperti Islam itu kuno, hukuman Islam itu bersifat kekejaman, Islam mengehadkan pilihan kepada makanan dan sebagainya.

Tidak sekadar itu, kesan ini boleh membawa kepada keadaan yang lebih parah. Antara isu yang paling jelas adalah murtad di kalangan saudara baru kerana tidak memahami Islam secara menyeluruh merasa sukar untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan dalam Islam. Saudara baru juga sukar menyesuaikan diri dengan suasana hidup baru, ditambah pula dengan penganut Islam tidak memberikan kerjasama dan contoh yang baik kepada mereka (Nurul Afifah & Siti Aisyah 2014).

Namun, kehidupan di asrama tidak sama dengan kehidupan dalam lingkungan persekitaran yang terdedah malah lebih berstruktur (Sri Iswanti, 2010 dan Hartoto, 2008). Menurut Ditha Damayanti (2014), bagi proses kedewasaan dan kematangan tersebut memberikan hasil yang efektif maka perlu adanya usaha untuk menciptakan lingkungan yang dapat merangsang dan mendorong seseorang untuk aktif dalam berfikir (Prayitno, 2004). Rangsangan yang diterima seseorang untuk aktif berfikir dapat memberi kesan positif dan negatif yang berkaitan dengan perkembangan lingkungan sosial (Nur Elisa, 2012). Untuk itu, di asrama terdapat peraturan-peraturan formal mahupun tidak formal yang perlu diikuti dan dipantau, maka kehidupan saudara baru dapat dikawal untuk membentuk sikap dan keperibadian selari dengan tuntutan agama (Setiawan, 2013).

2. 1. Kaedah Kajian

Pengkaedahan dalam kajian ini menghuraikan tentang beberapa perkara, iaitu batasan kajian, kaedah pengumpulan data, serta kaedah menganalisis data. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menyingkap makna tersirat kehidupan dalam lingkungan berasrama yang berhubung dengan proses penerapan nilai-nilai Islam terhadap saudara baru. Dengan kedua-dua elemen tersebut dikonsepsi sebagaimana pola fikir masyarakat yang mendukungnya.

2. 2. Batasan kajian

Semasa memilih kawasan kajian, perkara penting yang perlu diambil kira adalah mengenai kemampuan pengkaji untuk mendapatkan seberapa maklumat yang diperlukan yang berkaitan dengan tema penyelidikan yang dikaji. Selain itu,

populasi yang dipilih itu juga mestilah bertepatan dengan tema kajian, di samping menjimatkan masa dan tidak membebankan pengkaji dari segi kos perbelanjaan. Dengan kedudukan Asrama Darul Hidayah, Kuala Lumpur yang terletak di kawasan tengah pusat bandar, di samping pertambahan bilangan saudara baru yang begitu aktif berdaftar dan keluar masuk sesuai dengan pusat transit, maka amat bertepatan sekali asrama tersebut dipilih sebagai kawasan kajian.

III. Kaedah Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan dengan menggunakan dua kaedah. Pertama, pengumpulan bahan-bahan bersifat sekunder di perpustakaan. Kedua, melakukan penyelidikan di lapangan. Pendekatan kedua ini terbahagi pula kepada dua kaedah, iaitu pemerhatian turut serta dan temu bual mendalam. Penyelidikan lapangan telah dijalankan di Asrama Darul Hidayah, Kuala Lumpur.

3. 1. Kajian dokumen

Kajian dokumen ditakrifkan sebagai kaedah pengumpulan, pembacaan, serta penelitian secara khusus bahan-bahan bersifat sekunder, seperti buku, jurnal, artikel, disertasi, dan tesis yang telah ditulis oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan subjek yang dikaji. Pengaplikasian kaedah ini dilakukan sebelum pengkaji menjalankan kajian di lapangan. Ia sebagai input awal kepada pengkaji untuk mengetahui dan memahami dengan lebih mendalam tentang korpus-korpus ilmu berhubung subjek yang dikaji. Menerusi kaedah ini, pengkaji dapat mengetahui bidang-bidang yang telah diselidiki, serta bidang-bidang kurang diberi perhatian oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Sebagai contoh, melalui penelaahan terhadap bahan-bahan bersifat sekunder di perpustakaan, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan penulisan-penulisan terdahulu, kurang memperihalkan pendidikan saudara baru dalam aspek persekitaran. Dalam erti kata yang lebih tepat, subjek pendidikan terhadap saudara baru banyak dikupas dalam perspektif yang bersifat formal, manakala elemen persekitaran Islam yang turut menjadi pengadun penting dalam pendidikan tidak dibicarakan secara jelas dan komprehensif. Berdasarkan hal inilah, pengkaji berpandangan bahawa penalaahan terhadap kajian-kajian lepas amat penting supaya pengkaji selepasnya dapat mengenal pasti akan kekurangan kajian-kajian terdahulu, yang dapat diatasi oleh penyelidikan terkini, sekaligus dapat mencambah korpus ilmu baharu berhubung bidang yang dikaji.

3. 2. Kajian lapangan

Setelah memperoleh maklumat daripada bahan-bahan bersifat sekunder di perpustakaan, pengkaji meneruskan pula pengumpulan data menerusi kajian di lapangan. Penyelidikan di lapangan akan dijalankan di Asrama Darul Hidayah, Kuala Lumpur. Kajian ini juga telah menjustifikasi kaedah kajian di lapangan sebagai kaedah utama dalam mendapatkan data kualitatif yang bersifat primer (*first hand information*).

Asrama ini dipilih kerana kedudukannya yang berada di kawasan tengah pusat bandar. Sebagaimana yang diketahui, bandar mempunyai percampuran kaum, taraf ekonomi dan pendidikan. Hal ini membuatkan asrama ini begitu aktif dengan kegiatan dakwah di samping percambahan saudara baru dari semasa ke semasa. Begitu juga dengan struktur persekitaran yang mempunyai hubung kait dengan kajian ini.

Pada peringkat pertama, pengkaji akan membuat lawatan awal bertujuan untuk mengetahui tentang pemikiran sosial serta corak kehidupan penghuni setempat, selain bertujuan untuk mendapatkan data-data khusus berhubung latar belakang kawasan kajian dan perkembangan penghuni asrama (K. Kartono, 1985). Aspek yang diselidiki ialah lokasi dan ciri-ciri fizikal kawasan kajian, bilangan penghuni asrama, sejarah kawasan kajian, pekerjaan penghuni asrama, taraf pendidikan, kemudahan asas di kawasan kajian serta aspek-aspek yang berkaitan.

Penyelidikan seterusnya, pengkaji mengambil keputusan untuk menyertai aktiviti atau program yang dianjurkan oleh pihak asrama dengan tujuan untuk melakukan temu bual serta pemerhatian turut serta. Jika diberi kesempatan oleh pihak asrama, penyelidik akan meluangkan masa untuk menetap bersama dengan penghuni asrama tersebut. Seterusnya, pengkaji akan cuba untuk mengumpul pelbagai maklumat tambahan berhubung dengan penerapan nilai-nilai Islam di sana. Setelah pengkaji merasakan bahawa maklumat yang dikumpul sudah mencukupi, maka proses memungut data akan berakhir. Berikut adalah perincian mengenai proses pengumpulan data di kawasan kajian dengan menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta dan temu bual mendalam.

3. 3. Pemerhatian Turut Serta

Kaedah pemerhatian turut serta dilakukan untuk memahami kehidupan masyarakat yang dikaji, dengan tinggal bersama mereka, memahami dan mengamati apa yang mereka lakukan (perlakuan, idea, dan nilai), serta berusaha mentafsir gejala-gejala tersebut berasaskan pengertian kebudayaan masyarakat yang dikaji itu sendiri. Untuk mencapai tujuan tersebut, pengkaji cuba untuk berulang-alik atau menetap sementara bersama penghuni asrama yang dikaji itu sendiri serta turut terlibat dengan setiap aktiviti pendidikan dan sosial yang dianjurkan (S. Rustat, 2014).

3. 4. Temu Bual Mendalam

Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual mendalam. Ini kerana penggunaan kaedah pemerhatian semata-mata adalah tidak komprehensif jika tidak disertakan dengan kaedah temu bual mendalam. Seperti yang diperkatakan oleh Ab. Aziz Mohd Zain (2006), tidak semua fenomena budaya itu boleh dilihat melalui pemerhatian turut serta, terdapat

aspek-aspek tertentu kebudayaan yang memerlukan penjelasan lebih mendalam dan hanya boleh difahami melalui kaedah temu bual mendalam. Dalam hal ini, pengumpulan data berhubung “pantang-larang pedoman hidup” (Kamus Dewan, 2013) banyak dilakukan dengan menggunakan kaedah ini.

Sebelum melakukan temu bual, pengkaji menyediakan satu set soalan yang berformat terbuka dan tidak formal. Hal ini supaya informan dapat menghuraikan sesuatu maklumat itu berasaskan pandangannya sendiri, ia kerana kaedah ini tidak terikat dengan bentuk-bentuk jawapan yang telah disediakan. Justeru, informan bebas untuk menyuarakan pandangan masing-masing. Selain itu, melalui kaedah ini juga, secara tidak langsung, pengkaji boleh mewujudkan hubungan rapat dengan informan kajian. Sekaligus, memudahkan urusan pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih jelas dan mendalam.

Sebelum menemu bual sasaran kajian, pengkaji terlebih dahulu akan melakukan sesi temu bual bersama pihak pentadbiran asrama Darul Hidayah (Hasyidah, 2016). Dalam sesi tersebut, perkara utama yang ditekankan adalah berkaitan latar belakang asrama Darul Hidayah dan juga pencapaian kepada objektif sepanjang penubuhan asrama tersebut. Untuk itu, penting bagi pengkaji memilih beberapa orang pihak pentadbir terutamanya yang sudah lama berkhidmat di asrama tersebut bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam. Kemudian, sesi temu bual tersebut ditelusuri dengan lebih mendalam berkenaan objektif kajian ini iaitu dalam aspek bimbingan dan kaedah pelaksanaannya kepada saudara baru.

Seterusnya, temu bual mendalam akan dilakukan terhadap lapan orang informan yang dipilih secara rawak oleh penyelia asrama. Pengkaji tidak mempunyai kuasa untuk membuat pemilihan ke atas informan sama ada di kalangan mubaligh mahupun penghuni asrama. Pegawai atasan akan mengarahkan penyelia untuk memilih informan mengikut kelapangan masa dan kesesuaian mereka. Oleh sebab itu, informan kajian tidak ditetapkan secara ketat. Mereka di ambil dari pelbagai peringkat umur mahupun berlainan taraf pendidikan dan sosio-ekonomi dan yang pastinya masih lagi aktif berdaftar.

Sesi temu bual dijalankan mengikut kehendak informan. Kebiasannya, temu bual akan dijalankan pada masa terluang dan mestilah berlangsung dengan kebenaran daripada pegawai bertugas. Temu bual akan dilakukan di tempat mengikut kadar keselesaan informan sama ada di surau, pondok rehat mahupun di kawasan lapang. Peralatan yang akan digunakan semasa sesi menemu bual pula ialah telefon bimbit serta buku catatan harian. Telefon bimbit digunakan untuk merakam peristiwa dan merakam perbualan informan semasa sesi menemu bual. Manakala, buku catatan pula digunakan untuk mencatat maklumat-maklumat penting semasa temu bual berlangsung, seperti mantera dan doa-doa yang dibaca secara perlahan.

3. 5. Analisis Data dan Pendekatannya

Dalam kajian ini, pengetahuan tentang model pendidikan berasrama yang saling berkait dengan aspek penerapan nilai-nilai Islam telah ditafsir dan difahami berdasarkan pengertian dalam suasana yang bercorak penempatan transit. Dengan erti kata yang lebih tepat, pengetahuan model pendidikan berhubung dengan nilai-nilai Islam telah ditelusuri dari segi rupa (huraikan tentang apakah dia), proses (bagaimana ia berlaku), fungsi (apakah gunanya), dengan kesemuanya ditelusuri menurut pandangan informan dan pegawai yang terlibat secara langsung.

Seterusnya, data-data yang dikutip itu pula telah disusun dan ditemakan dalam perspektifnya yang tersendiri. Ia penting supaya karya yang terhasil kelak mencerminkan suatu diskripsi yang komprehensif yang dapat mewakili penghuni asrama yang mendukungnya.

IV. Hasil Kajian

Untuk itu, modul merupakan aset penting dalam memastikan saudara baru berada dalam bimbingan yang teratur dan terkesan. Dalam kes Asrama Darul Hidayah, Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI), di bawah Unit Dakwah dan Pembangunan Saudara Baru memainkan peranan penting dalam penyediaan modul kepada saudara baru.. Sehubungan itu, penyediaan modul lengkap telah disusun oleh unit tersebut agar saudara baru dapat memantapkan lagi penghayatannya terhadap ajaran Islam. Antara modul tersebut ialah (Temu bual bersama Ustaz S. Ihsan, 2016 dan T. Akmal, 2016):

4. 1. Program Pengajian Saudara Baru

Kelas pengajian saudara baru di Asrama Darul Hidayah ini menyediakan beberapa subjek iaitu kelas Al-Quran, tajwid, hafazan, hadis, *tasawwur*, jawi, sirah, aqidah dan fekah dan setiap subjek pula dipecahkan kepada tiga tahap iaitu tahap asas, pertengahan dan lanjutan. Pecahan subjek ini dilakukan mengikut tahap bagi memudahkan pelajar memahami Islam secara berperingkat.

Kelas ini diadakan pada setiap hari kecuali Sabtu dan Ahad. Unikinya, kelas di asrama ini menyediakan dua sesi pembelajaran iaitu sesi pagi pada pukul 8.45 pagi hingga 11.00 pagi manakala sesi petang pada pukul 2.15 petang hingga 4.30 petang. Pelajar tidak disarankan untuk mengikuti kedua-dua kelas sesi tersebut, tetapi pelajar diberi peluang memilih untuk menghadiri salah satu kelas daripada dua sesi tersebut, sama ada sesi pagi atau sesi petang. Namun, jika menghadiri kedua-dua sesi adalah lebih baik. Keistimewaan ini, secara tidak langsung membuka ruang kepada saudara baru agar tidak berasa tertekan untuk menimba ilmu pengetahuan terutama sekali kepada golongan tua dan juga golongan berkerjaya (Temu bual bersama Ustaz Zulkifli, 30 Jun 2016).

4. 2. Program Halaqah Muallaf

Halaqah *muallaf* merupakan satu slot ceramah yang dilakukan kepada penghuni asrama pada waktu maghrib. Ia dilakukan sebanyak dua atau tiga kali seminggu. Menurut Ustaz Zulkifli (Temu bual, 30 Jun 2016), pihak asrama akan menjemput salah seorang ustaz atau ustazah dari Jabatan Agama Islam Wilayah JAWI untuk memberi tazkirah atau pengisian yang berilmiah. Tajuk yang ditekankan pada slot ini ialah berkenaan akidah dan feqah. Setelah memberi tazkirah, penceramah akan mengadakan sesi soal jawab. Masa yang diambil adalah dalam lingkungan satu jam ataupun sehingga tiba waktu shalat Isyak. Dalam slot ini, pelajar akan dicatat kehadiran masing-masing kerana ia termasuk dalam peraturan disiplin penghuni manakala bagi pelajar luar mereka turut membuka ruang untuk menyertai program tersebut jika berkelapangan. Penghuni yang gagal menghadirkan diri tanpa sebarang alasan akan dikenakan amaran dan jika diulang kembali maka hukuman tata tertib akan dikenakan kepada mereka.

4. 3. Aktiviti Shalat Berjemaah

Shalat berjemaah merupakan shalat yang dituntut di dalam Islam. Ia merupakan satu jalan untuk mencapai kesempurnaan shalat dan meningkat keimanan seseorang muslim. Untuk itu, pihak asrama mewajibkan aktiviti shalat berjemaah sebagai satu inisiatif penting untuk dijadikan satu garis peraturan dalam mendisiplinkan penghuni. Di sini, pelajar diwajibkan untuk menunaikan shalat berjemaah pada waktu Subuh, Maghrib dan Isyak dan dipantau oleh penyelia. Manakala Zohor dan Asar pula diberi kelonggaran untuk shalat bersendirian. Hal ini kerana, pada waktu petang penyelia bertugas di pejabat agama Wilayah Persekutuan (JAWI) dan penghuni asrama ramai yang keluar membuat urusan masing-masing setelah kelas pengajian di situ. Walaupun begitu, Penghuni yang tidak mampu menghadiri program shalat berjemaah yang diatur mestilah memberi alasan dan bukti yang kukuh kepada penyelia (Temu bual bersama Ustaz Zulkifli, 30 Jun 2016).

4. 4. Program Mingguan dan Bulanan

Terdapat beberapa program yang telah dilakukan oleh pihak asrama bagi mengisi masa terluang saudara baru di Asrama Darul Hidayah. Antaranya:

a. Aktiviti Gotong-Royong

Kebiasaannya, gotong-royong dijalankan pada waktu pagi selepas sarapan pagi. Aktiviti gotong-royong bukan sahaja membersihkan kawasan halaman asrama, namun disarankan untuk membersihkan bilik masing-masing. Menurut Ustazah Hasyidah (Temu bual, 20 April 2016), ada juga di kalangan penghuni tidak berminat untuk menyertai program sebegini dan tidak mahu memberikan kerjasama. Mereka hanya menghadirkan diri dalam aktiviti tersebut, dan kembali ke biliknya setelah selesai tanpa mengerahkan sedikit keringat. Alasannya, mereka tidak larat untuk melakukan aktiviti tersebut. Walaupun begitu, pihak pentadbir tidak mengambil sebarang tindakan dan menganggap perkara itu biasa sahaja.

b. Program Lawatan

Dalam program tahunan, Asrama Darul Hidayah turut mengadakan program lawatan kepada pelajar dan penghuni di asrama ini. Ia merupakan satu program yang amat baik sebagai landasan untuk memberi pendedahan dan pengalaman secara langsung kepada saudara baru. Setakat ini, Asrama Darul Hidayah telah menganjurkan lawatan ke Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Sabak Bernam. Kebiasaannya, saudara baru akan dibawa melawat ke kilang-kilang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) seperti kilang pembuatan makanan dan frozen seperti baulu, kerepek dan Nata de Coco. Mereka juga turut dibawa ke kilang kristal, muzium dan ladang ternakan burung. Di situ, mereka turut didedahkan dengan cara pembuatan dan sedikit perkongsian ilmu berkaitan perniagaan. Menurut Nafisah Mayappan (Temu bual, 12 Ogos 2016), beliau amat seronok dengan lawatan yang dianjurkan kerana ia merupakan pengalaman baru melawat ke tempat-tempat sebegini. Malah, beliau dan rakan-rakan turut membeli makanan yang dihasilkan di kilang tersebut kerana ia dikatakan lebih murah berbanding di kedai-kedai runcit dan jarang ditemui.

Melalui aktiviti seperti ini keyakinan mereka untuk berhadapan dengan masyarakat akan dapat dipertingkatkan. Selain itu, lawatan seperti ini merupakan aktiviti sosial yang penting dalam usaha membuka minda dan memberi inspirasi kepada murid untuk menelusuri kehidupan di masa depan yang lebih baik. Menurut Ustaz Zulkifli (Temu bual, 30 Jun 2016), terdapat segelintir saudara baru yang pernah tinggal di asrama ini telah membuka perniagaan sendiri sebagai satu pekerjaan seperti menjual burger, menjual baju di pasar-pasar borong, menjual cendol, membuka kedai makanan dan membuka premis kedai runcit. Mudah bagi saudara baru pada masa sekarang untuk menjalankan perniagaan kerana mereka turut dibantu oleh pihak Baitul Mal. Menurutnya lagi, pihak Baitul Mal tidak sewenang-wenangnya memberi bantuan perniagaan kepada saudara baru. Tidak cukup sekadar keinginan untuk berniaga sahaja, saudara baru perlu menjalankan premis perniagaan terlebih dahulu dengan sedikit modal yang diusahakan. Pihak asrama hanya dapat membantu sekadar menyatakan surat sokongan dan kepercayaan bagi membuktikan perniagaan saudara baru berjalan dengan lancar.

c. Program Motivasi dan Kaunseling

Motivasi yang diperkenalkan pada Asrama Darul Hidayah bukanlah bersifat formal seperti di mana-mana badan NGO yang lain yang mempunyai kaunselor yang tersendiri (K. Dewa, 2002). Di sini pembimbing berperanan sebagai

kaunselor atau motivator yang mengambil berat tentang masalah yang berlaku kepada saudara baru (Temu bual, N. Hafizah, 2016). Menggunakan kaedah sembang santai seperti bertanya khabar secara individu, menegur pelajar yang dilihat bermasalah, menjadi satu alat ganti kepada kaedah yang digunakan oleh kaunselor secara formal. Aktiviti sebegini juga turut memberi kesan kepada jiwa dan diri saudara.

Menurut Ustaz Zulkifli (Temu bual, 30 Jun 2016), kebiasaannya beliau akan memanggil salah seorang daripada penghuni asrama untuk bersembang dengan beliau secara bersemuka. Melalui kaedah ini, beliau mampu mengenali saudara baru dengan lebih rapat di mana saudara baru boleh berkongsi masalah dan beliau akan cuba berkongsi nasihat ataupun pendapat kepada saudara baru. Melalui pengalaman sebelum ini bersama saudara baru, beliau pernah menasihati salah seorang penghuni asrama yang tidak ingin berusaha untuk memajukan diri dan hidup berdikari walaupun sudah berkeluarga. Alhamdulillah, setelah diberi nasihat dan tunjuk ajar, penghuni tersebut sanggup menyahut cabaran untuk mencari kehidupan yang lebih baik.

Menurutnya lagi, kata-kata motivasi mahupun nasihat sebenarnya telah diterapkan melalui ceramah ataupun di dalam kelas pengajian secara tidak langsung. Sebagai contoh, program halaqah *muallaf* yang dilakukan sebanyak tiga kali seminggu itu secara tidak langsung telah diselitkan dengan kata-kata motivasi dan nasihat. Para ustaz yang memberi tazkirah tidak hanya memfokuskan kepada tajuk yang disampaikan, mereka juga perlu menyelitkan kata-kata semangat kepada saudara baru agar mereka mampu untuk melaksanakan amalan tersebut. Hal ini dilihat, apabila penceramah menyampaikan tazkirah berkaitan sedekah contohnya, secara tidak langsung mereka akan diberi penerangan berkaitan kelebihan dan manfaatnya kepada manusia dan di sisi Allah sekaligus menjadi perangsang untuk saudara baru melakukan amalan tersebut.

d. Bengkel Asas Kemahiran

Program yang dikenali sebagai bengkel asas kemahiran dijalankan di Asrama Darul Hidayah bukanlah menjadi sesuatu program wajib atau rasmi yang dibuat pada setiap minggu. Sebenarnya, ia bergantung kepada bajet yang diperuntukkan kepada asrama tersebut. Jika terdapat lebih dana, maka pihak asrama akan mengadakan suatu program yang bermanfaat dan menghiburkan kepada penghuni. Antara aktiviti yang pernah dijalankan adalah berbentuk pembelajaran seperti membuat kek, membuat coklat dan teknik membuat manik. Bagi melancarkan program ini, pihak asrama akan menjemput pihak luar yang mahir dalam bidang tersebut untuk mengajar saudara baru manakala barang-barang mentah pula akan disediakan oleh pihak asrama. Kebiasaannya, program ini tidak terhad kepada penghuni asrama sahaja, malah turut memberi peluang kepada pelajar luar untuk turut serta. Program sebegini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada saudara baru untuk menambah kemahiran diri, bukan sahaja untuk dipelajari malah memberi peluang untuk berniaga bagi mereka yang berminat (Jawatankuasa APNIEVE, Kementerian Pendidikan Malaysia).

V. Kesimpulan Kajian

Untuk itu, modul merupakan aset penting dalam memastikan saudara baru berada dalam bimbingan yang teratur dan terkesan. Dalam kes Asrama Darul Hidayah, Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI), di bawah Unit Dakwah dan Pembangunan Saudara Baru memainkan peranan penting dalam penyediaan modul kepada saudara baru. Sehubungan itu, penyediaan modul lengkap telah disusun oleh unit tersebut agar saudara baru dapat memantapkan lagi penghayatannya terhadap ajaran Islam dan Al - Quran. Antara modul tersebut ialah: Program Pengajian Saudara Baru, Program Halaqah Muallaf, Aktiviti Shalat Berjemaah, Program Mingguan dan Bulanan dan sebagainya.

VI. Rujukan

1. Al-Quran Al-Karim
2. A.Hasjmy. 1994. *Dustur Dakwah Menurut al-Quran*. Jakarta: Bulan Bintang.
3. Ab. Halim bin Tamuri & Zarin binti Ismail. 2005. *Pengaruh Media Massa Terhadap Pegangan Nilai Akhlak Remaja: Kajian ke Atas Fakir Miskin di Kawasan Luar Bandar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
4. Abdul Halim El. Muhammadiyah. 1991. *Pendidikan Islam, Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
5. Ab. Aziz Mohd Zain. 2006. *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
6. Arenawati Sehat binti Haji Omar & Zalina binti Mohd. Desa. 2014. *Faktor-Faktor Pengislaman Saudara baru dan Cabarannya*. Sarawak: Universiti Teknologi Malaysia.
7. Arenawati Sehat binti Haji Omar & Zarin bin Ismail. 2005. *Pengaruh Media Massa Terhadap Pegangan Nilai Akhlak Remaja: Kajian ke Atas Fakir Miskin di Kawasan Luar Bandar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
8. Faridah Abu Hassan, Hasnah Ali Muda & Zainal Aalam Hassan. 2012. *Dasar Pendidikan Kebangsaan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
9. Dinda Nur Elisa. 2012. *Implementasi Kurikulum SMA Berbasis Asrama (Program Islamic Boarding School) di SMA Al- Multazam Mojokerto*. Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga.
10. Dhita Damayanti. 2014. *Hubungan Persepsi Mengenai Teknik Disiplin Pembina Asrama Dengan Penalaran Moral Siswa Sekolah Menengah Atas Negeri Cahaya Madani Banten Boarding School*. Bandung: Universitas Padjadjaran.
11. Farhan Abdullah. 2013. *Kristianisasi dan Gejala Murtad*. Kuala Lumpur: Hijjaz Records Publishing.
12. Habib, M. S. & Megat, A. K. 2001. Globalisasi dan cabaran pendidikan di Malaysia. *Masalah Pendidikan*, 31(1): 91-101.
13. Hartoto. 2008. *Pengertian, Fungsi dan Jenis Lingkungan Pendidikan*. Indonesia: Universiti Negeri Makassar.
14. Hasyidah binti Mohd Noor. 2016. Sejarah penubuhan Asrama Darul Hidayah, Kuala Lumpur. Temu bual 20 April.
15. Imam Shahrastani. 2006. *Agama dan Ideologi, Muhammad Ramli Omer* (tjr.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
16. Irfan Setiawan. 2013. *Pembinaan dan Pengembangan Peserta Didik Pada Institusi Asrama*. Yogyakarta: CV. Writing Revolusi.

17. Jawatankuasa APNIEVE Malaysia Kementerian Pendidikan. 1999. *Buku Sumber UNESCO – APNIEVE*. Kuala Lumpur.
18. Kamus Dewan edisi ke-4. 2013. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
19. Kartini Kartono. 1985. *Bimbingan dan Dasar-dasar Pelaksanaannya*. Jakarta. Indonesia: CV Rajawali.
20. Ketut, Dewa .2002. *Pengantar Pelaksanaan Program Bimbingan dan Konseling di Sekolah*. Jakarta: Rineka Cipta.
21. Mohd Azmi Mat Sah & Maimunah Ismail. 2003. *Status program pembelajaran di kalangan saudara baru: satu kajian kes di negeri Melaka*. Selangor: Fakulti pengajian pendidikan. Universiti Putra Malaysia..
22. Mohammad Sukri Deraman. 2010. *Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru : Kajian di Pejabat Agama Islam Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
23. Nor Hafizah binti Mohd Amin. 2016. Pengajaran dan pembelajaran saudara baru di Asrama Darul Hidayah. Temu bual, 12 Ogos.
24. Nurul Afifah & Siti Aisyah. 2014. *Isu Murtad Dalam Kalangan Saudara Baru*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
25. Prayitno Erman Amti. 2004. *Dasar-dasar Bimbingan dan Kaunseling*. Jakarta: Indonesia. Rineka Cipta.
26. Rosmani binti Hussein. 2005. Modul bimbingan saudara baru: kajian di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK). Disertasi Sarjana. Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
27. Saidatul Ihsan binti Ahmad Nasution. 2016. Pengajaran dan pembelajaran saudara baru di Asrama Darul Hidayah. Temu bual, 12 Ogos.
28. Siti Rugayah Hj. Tibek, Salasiah Hanin Hamjah (pnyt.). 2005. *Dakwah dan Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
29. Sri Iswanti. 2010. *Pembentukan Sikap dan Keperibadian Guru Melalui Model Pendidikan Berasrama*. Indonesia: Universiti Negeri Yogyakarta.
30. Supriadi Rustat. 2014. *Pendidikan Berasrama Bagi Peserta Program Pendidikan Profesi Guru Prajabatan Pasca Program SM-3T*. Universiti Negeri Jakarta. Jakarta. Indonesia.
31. Tengku Akmal bin Hamdi. 2016. Pengajaran dan pembelajaran saudara baru di Asrama Darul Hidayah. Temu bual, 12 Ogos.
32. Mazlan bin Mohamad. 2010. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Transformasi Asrama Harian*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
33. Wan Fauziah Wan Mamat. 1992. *Peranan JAWI Dalam Dakwah Islamiah Terhadap Saudara Baru: Satu Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
34. Zaini Hamzah. 1989. *Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia*, Dlm. Kertas Kerja Seminar Umat Islam Untuk Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia, pada 21 ogos 1989 di Pusat Islam. Kuala Lumpur.
35. Zulkifli bin Ibrahim. 2016. Latar belakang dan bimbingan saudara baru di Asrama Darul Hidayah. (Temu bual, 30 Jun 2016).